

Newspaper	Berita Harian
Date	15 May 2015



Najib dan Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin bersama 50 Rakan Wasatiyyah pada **Majlis Himpunan Rakan Wasatiyyah** di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

# 'Bermuhasabah isu belenggu ummah'

BH-15/5/2015

» Najib mahu kebebasan bersuara tanpa menyinggung perasaan

Oleh Magendran Rajagopal dan Faridzwan Abdul Ghafar  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**K**ebebasan bersuara bukan bermakna kebebasan menyinggung perasaan orang lain, termasuk memburukkan umat Islam secara menyerang imej agama suci itu, tegas Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ketika ini dunia berada dalam suasana yang sangat menduga antara agama...  
...patutlah

gai imej dan visual negatif mengenai Islam bagi dicari-cari untuk diketengahkan.

"Saya akui, mungkin juga ada agenda pihak tertentu untuk jatuhkan imej Islam. Ada kalangan yang membuat kajian menganggarkan Islamophobia (takut kepada Islam) adalah industri mencapai angka ASS200 juta (RM717.6 juta), walaupun tidak pasti bagaimana taksiran ini dibuat.

"Imej Islam digambarkan begitu negatif, bukan sahaja dalam media arus perdana global tetapi juga dalam industri permainan video yang menjadi kegilaan remaja, di mana turut dipaparkan Islam yang negatif. Ini tidak membantu meningkatkan martabat dan kedudukan Islam, jauh sekali untuk Islam dihormati penganut agama lain.

"Kita boleh ambil sikap yang mudah, menyalahkan musuh Islam terhadap apa yang berlaku, namun penting juga un-

tuk kita bermuhasabah dengan isu dan cabaran yang membelenggu umat Islam seluruh dunia," katanya pada Majlis Himpunan Rakan Wasatiyyah di kediaman rasminya Seri Perdana, di sini, semalam.

Menyinggung perasaan Perdana Menteri berkata, Islam diasak dengan pelbagai provokasi seperti kejadian majalah *Charlie Hebdo* memabitkan lukisan karikatur Nabi Muhammad SAW.

"Di Eropah, mereka menganggapnya sebagai kebebasan bersuara tetapi tidak terfikir untuk membezakannya dengan kebebasan menyinggung perasaan orang lain. Maknanya jika mereka mengusik perasaan orang lain pun tidak menjadi apa-apa, yang diutamakan ialah kebebasan bersuara tanpa batasan.

"Inilah yang dikatakan kebebasan mutlak dan hak asasi.

Buat mereka, adalah hak mereka untuk menyinggung perasaan orang lain sehingga cetuskan kebencian, maka lahir lah ramai yan^ menyemai perasaan benci ini. Fahaman ganas, pendekatan ekstrem, pandangan luar biasa sempit dalam isu tertentu membuat imej agama suci ini terpesong jauh dan mencetuskan persepsi negatif ,di kalangan orang lain" katanya.

Jelas beliau, tindakan sege-lintir umat Islam yang memesongkan makna dan konsep sebenar jihad dalam Islam itu menyebabkan Islam tercalar, umpamanya kumpulan miiitan seperti IS yang kononnya bejuang menegakkan sebuah negara Islam tetapi sebaliknya tindakan mereka jelas menyimpang jauh daripada prinsip asas jihad.

Panduan pengamal media Sementara itu, Perdana Menteri menggariskan lima perkara penting sebagai panduan kepada pengamal media negara ini, memangkinkan pembangunan negara memasuki fasa baharu.

Beliau berkata, pengamal media perlu bersikap profesional dalam erti kata sebenar ketika menjalankan tugas serta mampu memberi pandangan yang bersifat membina dan bukannya memusnahkan atau merosakkan.

Katanya, selain bersikap profesional, pengamal media hendaklah memastikan setiap laporan disiarkan mempunyai nilai tanggungjawab serta berkredibiliti untuk dijadikan rujukan.

"Pengamal media mestilah melaporkan sesuatu perkara yang benar-benar berlaku dan bukan berdasarkan andaian atau khabar angin. Walaupun berumba melaporkan berita, tetapi mesti pastikan apa yang dilaporkan itu adalah fakta yang benar dan sahih.

"Perkara yang kelima pula ialah unsur berita mengadu domba, berbau perkauman dan sensitif mesti dielakkan bagi mewujudkan persekitaran yang sihat," katanya pada Malam Media Perdana 2015.